

Sultan Terengganu berkenan terima menghadap Anwar

BH
- 13/11/2023
m/s 2

Kuala Terengganu: Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, semalam berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Istana Syarqiyyah di sini.

Kenderaan Proton Perdana yang membawa Anwar, memasuki pekarangan Istana Syarqiyyah pada jam 10.27 pagi sebelum meninggalkan istana kira-kira sejam kemudian.


Sesi menghadap Sultan Mizan itu yang pertama buat Anwar, sejak beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu dilan-

tik sebagai Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu.

Anwar, yang juga Ahli Parlimen Tambun, mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10 di Istana Negara, selepas pelantikan beliau diperkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatu-din Al-Mustafa Billah Shah.

Selepas sesi menghadap Sultan Mizan, Anwar mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan pegawai kanan Persekutuan di Dewan Senat Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

BERNAMA



Sultan Mizan menerima menghadap Anwar di Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)